







Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1966](#) > [November](#) > [17](#) > [Page 1](#) > [Penyakit ganjil serang pelajar2](#)



## Penyakit ganjil serang pelajar2

Berita Harian, 17 November 1966, Page 1

Share    



Save Citation

[« Previous Article](#) [Next Article »](#)


# Penyakit ganjil serang pelajar2

*Asrama Sekolah Arab  
Kajang sunyi sepi*

Oleh  
**Alias Yunos**


**K**AJANG, Rabu. — Ibumapa pelajar2 Sekolah Menengah Arab Ma'had Al-Hamidiah Kajang telah mengambil balek anak masing2 untok berubat sa-telah sa-jenis penyakit ganjil menyerang pelajar itu di-asrama mereka semalam.






Astana sekolah itu yang di-tumpangi oleh 32 orang pelajar lelaki dan perempuan hari ini senyap sunyi.

Dato Abdul Rani bin Shamsuddin, Ketua Lembaga Sekolah itu berkata sekolah itu telah di-tutup sa-lama tiga hari.




Sa-ramai 13 orang pelajar di-dalam blek darjah mereka telah di-serang oleh penyakit ganjil itu sejak hari Sabtu lalu.



Guru Besar sekolah itu, Tuan Haji Hashim bin Haji Abdul Aziz memberitahu bahawa sa-orang pelajar perempuan, Hasnah binti Malek, berumur 14 tahun, telah di-serang oleh penyakit itu pada malam Sabtu.


Hasnah di-katakan telah menangis dengan tiba-tiba dan dalam masa tidak sedarkan diri dia mengatakan ia orang halus.



Dalam masa itu juga dia memberi beberapa "fatwa" kepada guru-nya, Che Zainab binti Husein.


Hasnah kemudiannya di-hantar balek ka-ru-mah-nya di-Bangi, 10 batu dari Kajang.

Semalam ketika pelajar2 sekolah itu sedang membacha untuk menghadapi peperiksaan akhir



tahun pada 23 dan 24 November ini, sa-orang pelajar lagi di-serang oleh penyakit itu.

Pelajar itu, Ismail bin Yaakub, berumur 17 tahun, johan berzanji tahun lalu, telah menangis dengan tiba-tiba.



Sa-masa beberapa orang pelajar sedang menolong Ismail, sa-orang pelajar perempuan Azizah binti Daud, berumur 15 tahun pula di-serang penyakit itu.

Azizah ada-lah johan membacha Kur'an daerah Ulu Langat pada tahun 1964.

Tidak berapa minit kemudian sa-ramai 10 orang pelajar lain di-jangkiti penyakit ganjil itu.

Tuan Haji Hashim berkata: "Penyakit itu sangat ganjil. Ada di-antara mereka menangis dengan tiba2. Ada yang meronta2 hendak lari dan ada yang melaung2 ber-azan."

## Peristiwa

Peristiwa itu berlaku dalam masa kira2 30 minit sahaja.

Beberapa orang bomoh telah di-kejarkan kasrama itu dan mereka menyatakan pelajar2 itu telah "di-rasok oleh jin Islam." kerana asrama itu letak-nya tidak jauh dari Masjid Kajang.

Jauh-nya di-antara asrama sekolah Arab itu dengan masjid kira2 10 ela sahaja.

Kebanyakan penuntut yang tinggal di-asrama itu datang dari tempat2 jauh, ia-itu dari Ulu Langat, Beranang, Bangi, Telok Anson, dan Melaka.

**CHATATAN:** Sa-ramai 160 orang pelajar U gama Khas yang sedang belajar di-sekolah itu pada waktu petang (2.00 hingga 5.00) tetap belajar seperti biasa.